

# MODUL PEMBANGUNAN PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL UNIVERSITI TENAGA NASIONAL: SATU PEMERHATIAN KEPADA KONSTRUK PEMBANGUNAN AL-QURAN

<sup>1</sup>Siti Salma Mohamad Shokri, <sup>2</sup>Syafawati Salihan

Universiti Tenaga Nasional, Malaysia

\*Correspondent Emails: *Salma@uniten.edu.my & Syafawati@uniten.edu.my*

**Published:** 26 December 2023

**To cite this article (APA):** Mohamad Shokri, S. S., & Salihan, S. (2023). Modul pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional: Satu pemerhatian kepada konstruk pembangunan Al-Quran. *Firdaus Journal*, 3(2), 12–23. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.2.2023>

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk meneliti modul pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dengan memberikan tumpuan khusus kepada modul pembangunan al-Quran. Secara umumnya, pengajian tahfiz dikenali dengan pengajaran secara tradisional di mana pembelajarannya berlaku secara talaqqi dan musyafahah di antara guru dan pelajar. Penekanan pengajian tahfiz banyak ditumpukan pada tahsin bacaan, hafazan dan muraja'ah. Namun di UNITEN, pengajaran dan pembelajaran tahfiz bukan hanya ditekankan pada tiga elemen sahaja, malah ia turut memberi tumpuan kepada elemen lain berkaitan al-Quran yang dibina secara sistematik dalam konstruk pembangunan al-Quran. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah penelitian dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan program tahfiz di UNITEN. Penelitian terhadap modul ini diharapkan dapat membantu ke arah penambahbaikan pelaksanaan program di samping berkongsi pengalaman UNITEN dalam membina generasi al-Quran yang mampu membawa nilai al-Quran ketengah masyarakat.

**Kata kunci:** *Modul pembangunan, konstruk al-Quran, pelajar tahfiz*

## PENGENALAN

Program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah bermula pada tahun 2012. Pada permulaannya, hanya program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN dengan struktur 4 semester pengajian sahaja diperkenalkan. Program 4 semester ini dikhususkan kepada para pelajar yang pernah menghafaz al-Quran sebanyak 25 juzuk. Pada tahun 2015, program ini telah berkembang dengan mewujudkan satu lagi struktur iaitu struktur 7 semester bagi memberi peluang kepada para pelajar yang tidak pernah menghafaz al-Quran. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN ini merupakan program bersepadu akademik dan tahfiz

dengan menggabungkan program tahfiz dengan Kejuruteraan, Sains Komputer, Perakaunan ataupun Pengurusan Perniagaan. Melihat kepada perkembangan dan sambutan yang sangat menggalakkan, UNITEN mengambil langkah proaktif pada tahun 2017 dengan memperkenalkan program Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz yang diurus sepenuhnya oleh pihak UNITEN.

Pembangunan dan kemajuan yang berlaku di sesebuah negara banyak bergantung kepada perkembangan ilmu di institusi pengajian tinggi (IPT) negara tersebut. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, program pembangunan pelajar khususnya pelajar Tahfiz di UNITEN memberikan penekanan kepada aspek pembangunan secara menyeluruh dan bersepadu, dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

## **MASALAH KAJIAN**

Perkembangan pengajian Tahfiz di Malaysia memperlihatkan kemunculan sekolah dan institusi tahfiz swasta yang bebas memakai mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari manamana negara (Aznil Hashim, 2013). Menurut Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) serta Aznil Hashim (2010), pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Sistem pengajian yang tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur memberi kesan kepada pencapaian pelajar Tahfiz al-Quran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan, maka kajian ini dibuat bagi memenuhi beberapa objektif iaitu:

1. Meneliti Konstruk Pembangunan al-Quran dalam Modul Pembangunan Huffaz Profesional UNITEN.
2. Mengenalpasti elemen-elemen modul pembangunan al-Quran yang dilaksanakan untuk pelajar tahfiz di UNITEN.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah penelitian dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan program tahfiz di UNITEN.

## **PENDEKATAN HAFAZAN DI INSTITUSI TAHFIZ DI MALAYSIA**

Terdapat tiga pendekatan hafazan yang digunakan di institusi tahfiz di Malaysia iaitu bentuk tradisional, moden atau menggabungkan di antara kedua-duanya sekali. Di antara pendekatan hafazan secara tradisonal adalah menggunakan teknik *talaqqi*,

tadarus, *tasmi'* dan *takrar* (Nasio Dinsir, 2015). Kaedah dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi *talaqqi* dan *musyafahah*, *tikrar*, kefahaman, *tasmi'* tadarus dan *kitabah* (Kaedah Hafazan). Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* adalah kaedah yang paling asas dan terpenting dalam menghafal al-Quran di mana pelajar perlu berhadapan dengan para guru.

*Talaqqi* berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud berjumpa, manakala perkataan *musyafahah* pula adalah daripada mulut ke mulut dengan melihat bibir guru untuk mendapatkan sebutan tajwid dan makhraj yang betul. Muhammad Arsyad Suriansyah (2020) berkata bahawa apabila dua perkataan ini digabungkan ia bermaksud mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut iaitu daripada mulut seorang guru kepada mulut seorang pelajarnya. Dengan kata lain, ia dapat disimpulkan sebagai mempelajari al-Quran secara bersemuka dengan seorang guru.

Kaedah tadarus pula adalah kaedah memperakukan bacaan bersama rakan-rakan dengan melihat mushaf. Ia adalah bagi tujuan mengekalkan dan memperkukuhkan hafazan al-Quran sepertimana yang dilalui oleh Rasulullah SAW yang telah menjadi murid kepada Jibril AS yang sentiasa datang bertadarus untuk menyemak bacaan al-Quran Rasulullah SAW. Abdullah Ibn Abbas RA telah meriwayatkan dalam hadith al-Bukhari:

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ، أَخْبَرَنَا يُونُسُ، عَنِ الرَّهْرِيِّ، قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَأَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ، حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ جِبْرِيلُ - عَلَيْهِ السَّلَامُ - يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، فَيَدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

**Maksudnya:** "Rasulullah SAW adalah manusia yang paling lembut terutama pada bulan Ramadan Ketika malaikat Jibril AS menemuinya dan adalah Jibril AS mendatanginya setiap malam di bulan Ramadan, pada ketika itu Jibril AS mengajarkan al-Quran. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, Bab Sifat al-Nabi SAW, No. Hadith: 3554]

Peranan rakan-rakan dalam kaedah tadarus ini adalah dalam mentashihkan hafazan, mengukuhkan hafazan dan melakukan penilaian terhadap bacan dan hafazan dengan melihat mushaf. *Tasmi'* pula adalah perkataan yang diambil dari bahasa Arab yang memberi maksud mendengar. Kaedah ini digunakan guru dalam pengajaran hafazan al-Quran melalui aktiviti guru mendengar bacaan pelajar. Maksud *tasmi'* adalah pelajar memperdengarkan hafazan baharu kepada guru. Kaedah ini sesuai digunakan untuk menyemak kembali bacaan dan hafazan pelajar dan melalui kaedah ini guru dapat mengesan tahap pencapaian hafazan seseorang pelajar (Ashraf, Khazri, Nurul Huda, 2020). Di samping itu, secara tidak langsung, guru dapat memperbetulkan semula bacaan pelajar yang salah dan tidak sempurna sebutan makhraj dan tajwidnya. Dengan kaedah ini, guru dapat membimbing pelajar agar meneruskan hafazan dengan lebih baik dan catatan dilakukan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar (Hafiz & Nursafazilah, 2016).

Amalan yang dilakukan semasa *tasmi'* adalah pelajar perlu mendengarkan hafazan baharu mereka di hadapan guru tanpa melihat mushaf dan peranan guru pula ketika *tasmi'* adalah guru perlu memberi teguran jika terdapat kesalahan pada hafazan pelajar. Guru berperanan untuk memperbetulkan kesalahan baris, tajwid, makhraj dan fasahah pelajar dan guru juga disarankan tidak melihat mashaf. Oleh kerana itu, menurut Abdul Hafiz & Nirhanan, 2009, adalah amat penting bagi guru yang mengesahkan hafazan pelajar ini adalah dari kalangan mereka yang menghafaz al-Quran. Hafazan pelajar juga dikira tidak diiktiraf jika *tasmi'* hafazan ini dilakukan oleh guru yang tidak menghafal al-Quran. (Ashraf, Khazri, Nurul Huda, 2020).

Di antara kaedah yang utama dan penting di dalam menghafal al-Quran adalah kaedah tikkar di mana ia merupakan kaedah yang memerlukan pelajar mengulang-ulang bacaan ayat sehingga pelajar dapat menghafaz dengan baik. Pelajar perlu mempunyai semangat dan disiplin yang konsisten untuk melakukan kaedah ini kerana kaedah ini memerlukan jangka masa yang lama disebabkan pelajar perlu mengulang bacaan dan hafazan berkali-kali sehingga apa yang dihafalnya melekat di memori justeru memudahkan pelajar untuk melakukan *tasmi'* hafazan dengan lancar di hadapan guru ketika proses *tasmi'* dilakukan. Kaedah kefahaman pula memerlukan pelajar memahami ayat dan makna ayat hafazan dan ini akan membantu mereka dalam menghafal, sekaligus mengukuhkan lagi hafazan mereka.

Bertitik tolak daripada kaedah-kaedah yang dinyatakan, Unit Tahfiz UNITEN merangka Modul Pembangunan Program Huffaz Profesional. Elemen yang dibincangkan di sini adalah memfokuskan kepada Konstruk Pembangunan al-Quran yang merangkumi elemen pada kualiti bacaan, hafazan dan pemahaman.

## **MODUL PEMBANGUNAN PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL UNITEN**

Program Huffaz Profesional berada di bawah kelolaan Unit Tahfiz, Pusat Islam UNITEN atau dikenali sebagai UIC (*UNITEN Islamic Centre*). Pelaksanaan program Huffaz Profesional UNITEN dipecahkan kepada dua aspek utama. Pertama, aspek pengurusan program yang melibatkan perkara teknikal dalam menggerakkan program seperti kemasukan pelajar, urusan akademik (subjek di bawah Darul Quran dan UNITEN), urusan tenaga pengajar, dokumentasi dan penaziran serta pengurusan dengan pihak Darul Quran. Kedua, aspek pembangunan program yang merangkumi urusan berkaitan pelajar-pelajar Tahfiz di UNITEN. Bagi memastikan pelajar melalui sistem pendidikan yang efektif dan menyeluruh, maka Modul Pembangunan Program Huffaz Profesional UNITEN dibina dengan menekankan kepada tiga konstruk utama iaitu pembangunan al-Quran, pembangunan akademik dan pembangunan sahsiah. Objektif pembentukan modul pembangunan ini adalah:

- i. Membina pelajar tahfiz yang memiliki kualiti al-Quran yang baik dari segi bacaan, hafazan dan pemahaman ayat al-Quran yang dihafalnya.
- ii. Membentuk disiplin akademik yang lebih teratur dan sistematik.
- iii. Membentuk sahsiah dan kepimpinan pelajar melalui penanaman nilai-nilai al-Quran
- iv. Membina bi'ah dan suasana al-Quran di UNITEN.

## KONSTRUK PEMBANGUNAN AL-QURAN

Pembangunan al-Quran merupakan antara tumpuan utama yang diberikan oleh pihak pengurusan kepada para pelajar. Ini bagi memastikan pelajar yang melalui sistem pengajian Tahfiz di UNITEN dapat menghafaz al-Quran dengan kaedah yang teratur dan sistematik serta dapat memahami isi kandungan al-Quran yang merupakan matlamat utama penurunan al-Quran. Konstruk pembangunan al-Quran dibina dengan tiga teras utama iaitu bacaan, hafazan dan pemahaman. Setiap satu teras dibentuk dengan objektif dan aktiviti yang khusus kearah mencapai matlamat pembinaan huffaz professional yang memiliki kualiti al-Quran yang baik.

### 1. Teras Bacaan Al-Quran

Teras bacaan al-Quran dibina dengan penekanan kepada dua elemen iaitu bacaan yang baik (amali) serta menguasai ilmu asas tajwid (ilmi). Bacaan al-Quran yang baik merupakan fardhu 'ain kepada setiap individu Muslim. Elemen ini diukur melalui 4 perkara, iaitu sebutan huruf yang baik (*makhraj*), bacaan panjang dan pendek yang betul (*mad*), sebutan dengung yang betul (*ghunnah*) dan cara berhenti serta menyambung bacaan yang betul (*waqaf* dan *ibtida'*). Penguasaan ilmu asas tajwid bermaksud kemahiran pelajar mengenalpasti hukum-hukum berkaitan bacaan al-Quran mengikut cabang-cabangnya. Seperti hukum hakam berkaitan dengung yang melibatkan topik *idgham*, *ikhfa'*, *izhar* dan *iqlab*, hukum hakam berkaitan panjang dan pendek seperti *mad wajib*, *mad jaiz*, *mad silah*, *mad tamkim*, *mad iwadh*, *mad badal* dan lain-lain lagi. Mempelajari hukum hakam berkaitan bacaan al-Quran secara teori adalah bertujuan membantu pelajar memperkemas lagi bacaan al-Quran sekaligus memiliki hafazan al-Quran yang berkualiti.

Penekanan terhadap teras bacaan al-Quran ditekankan melalui beberapa proses dan aktiviti yang berjalan sepanjang pengajian pelajar di UNITEN.

- i. Temuduga: Para pelajar lepasan SPM yang memenuhi syarat-syarat dan kelayakan boleh memohon ke program ini dan mereka semua wajib melalui proses temuduga dan lulus ujian hafazan al-Quran yang diadakan. Penemuduga akan meneliti bacaan al-Quran calon-calon dengan melakukan ujian bacaan dan seterusnya memberi satu mukasurat al-Quran secara rawak dengan diberi tempoh selama 40 minit untuk para pelajar menghafal mukasurat tersebut dalam tempoh yang diberikan. Bacaan dan hafazan mereka akan dinilai dan mereka yang lulus temuduga dan ujian hafazan al-Quran ini akan diberikan surat tawaran ke Program Huffaz Profesional UNITEN dan mereka layak mengikuti program Pensijilan al-Quran JAKIM-UNITEN atau Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz (DCMT). Hasil ujian membolehkan pentadbir institusi tahfiz membuat keputusan mengambil atau menolak calon dari mengikuti program tahfiz yang ditawarkan. Ujian penempatan ini sangat penting dalam Pendidikan tahfiz bagi memastikan calon benar-benar layak dan berupaya menghafaz al-Quran apabila ditawarkan (Mohamad Marzuqi, 2018).
- ii. *Quran Intensive Week*: Program *Quran Intensive Week* ini adalah program yang dianjurkan khusus untuk pelajar kemasukan baru ke program tahfiz ini. Pengisian program adalah menjurus kepada aspek-aspek berkaitan al-Quran secara khusus seperti kaedah hafazan dan pengulangan hafazan, *rasm* dan *dabt* al-

Quran di mana topik ini penting untuk subjek Hifz al-Quran (Syafawi dan Tahriri). Pelajar turut diberi pendedahan tentang adab-adab Hamalah al-Quran dan serta tadabbur dan ibrah al-Quran. Program ini dijalankan sebagai salah satu persediaan awal kepada pelajar agar mereka mempunyai ilmu asas sebelum memulakan pembelajaran.

- iii. Kelas *Tasmi'*: Kelas *tasmi'* di UNITEN berjalan setiap hari Isnin sehingga Jumaat, di mana pelajar memperdengarkan hafazan baru setiap hari Isnin hingga Khamis manakala memberi tumpuan kepada ulangan hafazan sepenuhnya pada hari Jumaat. Antara perkara yang ditekankan sewaktu sesi *tasmi'* adalah bacaan yang betul. Para pensyarah akan mendengar dan memperbetulkan pelajar bukan hanya pada hafazan malah pada ketepatan bacaan al-Quran.
- iv. Kelas Tahsin: Kelas ini diadakan khusus kepada pelajar yang terpilih yang lemah dari sudut bacaan. Mereka perlu memperbaiki bacaan al-Quran mereka kepada guru terlebih dahulu sebelum menghafal. Antara perkara yang ditekankan adalah memperbaiki *fasahah* bacaan, memperbetulkan sebutan makhraj dan memelihara daripada melakukan kesalahan tajwid. Pensyarah *tasmi'* digalakkan menanda kesalahan yang dilakukan pelajar di mushaf pelajar manakala para pelajar diwajibkan menggunakan satu mashaf al-Quran sahaja dalam tempoh mereka dalam pengajian tahfiz.
- v. Manual Tahsin: Manual ini disediakan bagi membantu pelajar memperbaiki bacaan al-Quran secara tersusun. Dengan manual Tahsin, pelajar dibimbing dalam merancang perjalanan Tahsin bacaan al-Quran dan berdisiplin dengan *mutaba'ah* Tahsin bacaan dan hafazan al-Quran dibawah pantauan pensyarah *tasmi'*. Sewaktu pelajar memperdengarkan bacaan atau hafazan al-Quran, pensyarah akan mengenalpasti kesalahan dalam bacaan al-Quran dan menanda dalam borang yang disediakan. Pensyarah seterusnya menerangkan kepada pelajar bentuk-bentuk kesalahan mereka serta mengajarkan kaedah bacaan yang betul. Pensyarah juga akan mengatur kesalahan mana yang perlu diperbaiki terlebih dahulu, supaya pelajar dapat fokus memperbaiki satu-satu kesalahan dalam masa yang sama tidak mengganggu hafazan pelajar.

## 2. Teras Hafazan Al-Quran

Konstruk Pembangunan al-Quran dari sudut hafazan dibina dengan matlamat menyediakan kaedah hafazan yang sesuai kepada para pelajar dengan merujuk kepada kaedah-kaedah yang telah diamalkan dalam pengajian Tahfiz di Malaysia. Di samping itu, ia juga menekankan kaedah mengulang atau dikenali sebagai muraja'ah dengan sistematik dan teratur.

- i. Kelas *Tasmi'*: Kelas *tasmi'* di UNITEN berjalan setiap hari Isnin sehingga Jumaat, di mana pelajar memperdengarkan hafazan baru setiap hari Isnin hingga Khamis manakala memberi tumpuan kepada ulangan hafazan sepenuhnya pada hari Jumaat. Antara perkara yang ditekankan sewaktu sesi *tasmi'* adalah bacaan yang betul. Para pensyarah akan mendengar dan memperbetulkan pelajar bukan hanya pada hafazan malah pada ketepatan bacaan al-Quran. Proses menghafaz Al-Quran setiap hari di dalam kelas dibahagikan kepada beberapa kategori. Pertama, hafazan (*tasmi'*) baru, iaitu

ayat-ayat Al-Quran yang dihafaz berdasarkan silibus harian semasa yang telah ditetapkan. Pelajar wajib memperdengarkan hafazan baru (*tasmi'*) setiap hari sekurang-kurangnya dua mukasurat. Pelajar tidak digalakkan untuk *tasmi'* lebih dari silibus (*muqarrar*) yang telah ditetapkan bagi memastikan pelajar mempunyai masa yang cukup untuk ulangan hafazan yang melibatkan dua komponen utama iaitu ulangan hafazan baru dan ulangan hafazan lama.

Kedua, penulisan Al-Quran (*tahriri*). Para pelajar dibekalkan dengan mushaf khas untuk penulisan Al-Quran. Para pelajar diwajibkan untuk menulis mukasurat yang akan dibaca di hadapan guru pada hari tersebut sebelum memulakan sesi *tasmi'*. Penulisan Al-Quran sangat membantu pada pelajar untuk lebih mengingati ayat-ayat yang telah dihafaz. Ketiga, ulangan hafazan (*muraja'ah*) baru iaitu proses ulangan hafazan oleh para pelajar bagi ayat Al-Quran yang baru dihafaz pada hari sebelumnya. Selepas sesi *tasmi'*, pelajar akan mula mengulang hafazan bagi ayat-ayat yang telah dihafaz pada hari-hari sebelumnya bagi minggu tersebut. Sebagai contoh, selepas selesai sesi *tasmi'* dalam kelas pada hari Rabu, pelajar akan mengulang hafazan baru iaitu ayat-ayat hafazan yang telah *ditasmi'* pada hari Isnin, Selasa dan Rabu. Keempat, ulangan hafazan (*muraja'ah*) lama, iaitu proses ulangan ayat-ayat yang telah dihafaz pada minggu-minggu sebelumnya. ii. Prep-malam: Prep malam ini tidak dilaksanakan seperti di asrama sekolah, namun ia lebih kepada tanggungjawab para pelajar tahfiz untuk menggunakan waktu ini dengan sebaiknya untuk mencari modal hafazan untuk kelas dan *muqarrar* keesokan harinya. Pelajar bebas mencari modal semasa prep malam ini sama ada di masjid atau di bilik residensi masing-masing.

- iii. Jadual Hafazan: Jadual hafazan adalah merujuk kepada silibus hafazan yang disediakan untuk pelajar pada asetiap awal semester mengikut kod subjek hafazan masing-masing. Silibus ini disusun mengikut jumlah juzuk yang perlu dihafal oleh para pelajar pada semester tersebut. Pelajar diwajibkan menghantar 2 mukasurat hafazan baru kepada guru dan 2 mukasurat *muraja'ah* baru.

PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-UNITEN									
PERINCIAN SILIBUS									
HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 4 [STN7 2073]									
(Juzuk 14 - 18)									
MINGGU	HARI	TARIKH	JUZU'	SURAH	MUKASURAT				
					Tasmi'		Muraja'ah		
1	Isnin	05/09/2022	Taklimat Awal Semester 1						
	Selasa	06/09	14	Al-Hijr	262	263			
	Rabu	07/09	14	Al-Hijr	264	265	262	263	
	Khamis	08/09	14	Al-Hijr/Al-Nahl	266	267	264	265	
	Jumaat	09/09	14	Al-Nahl	268	269	266	267	
2	Isnin	12/09	14	Al-Nahl	270	271	268	269	
	Selasa	13/09	14	Al-Nahl	272	273	270	271	
	Rabu	14/09	14	Al-Nahl	274	275	272	273	
	Khamis	15/09	14	Al-Nahl	276	277	274	275	
	Jumaat	16/09	HARI MALAYSIA						
3	Isnin	19/09	14	Al-Nahl	278	279	276	277	
	Selasa	20/09	14	Al-Nahl	280	281	278	279	
	Rabu	21/09	15	Al-Isra'	282	283	280	281	
	Khamis	22/09	15	Al-Isra'	284	285	282	283	
	Jumaat	23/09	I'adah / Penulisan Tahriri						
4	Isnin	26/09	15	Al-Isra'	286	287	25	26	
	Selasa	27/09	15	Al-Isra'	288	289	286	287	
	Rabu	28/09	15	Al-Isra'	290	291	288	289	
	Khamis	29/09	15	Al-Isra'/Al-Kahfi	292	293	290	291	
	Jumaat	30/09	I'adah / Penulisan Tahriri						

Jadual 1: Jadual Silibus Hafazan Pelajar Tahfiz UNITEN

- iv. Buku Tahriri: Ketika pelajar di semester satu, mereka akan dibekalkan dengan buku penulisan tahriri yang diperolehi daripada pihak Darul Quran. Para pelajar perlu menulis ayat yang dihafal mengikut silibus semester tersebut. Mereka perlu menunjukkan hasil penulisan tahriri mereka setiap hari ketika mereka melakukan *tasmi'* hafazan baharu di hadapan guru. Pensyarah *tasmi'* akan menyemak penulisan tahriri pelajar dan membetulkan pada tempat jika terdapat kesalahan. Setelah itu, pensyarah *tasmi'* perlu menandatangani pada mukasurat yang telah disemak dan meletakkan tarikh pada tempat yang disediakan. Penulisan ayat al-Quran yang dihafaz membantu para pelajar untuk mengingati ayat-ayat hafazan dengan lebih baik. Menurut Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali (2013), penggunaan pelbagai deria dengan menggunakan tangan dalam menghafaz al-Quran akan mengukuhkan ingatan pelajar terutama pada ayat yang susah dan ayat mutasyabihat. Kaedah penulisan ini juga boleh dilakukan berulang-ulang kali untuk memantapkan hafazan dan mengelakkan hafazan daripada mudah terlupa.
- v. *Imtihan Intiqal*: *Imtihan intiqal* adalah suatu ujian atau penilaian yang dilakukan ke atas para pelajar setelah mereka tamat *tasmi'* hafazan sebanyak satu juzuk. Pelajar perlu melalui *Imtihan Intiqal* sebelum berpindah ke juzuk hafazan yang seterusnya. Ini bagi memastikan mereka dapat mengingati juzuk yang baru dihafal. *Imtihan Intiqal* dijalankan dengan cara 'tebuk hafazan', iaitu pensyarah akan memilih satu ayat secara rawak dalam juzuk yang selesai dibaca oleh



pelajar dan pelajar dikehendaki menyambung ayat tersebut. Pelajar dilatih dengan ujian secara tebuk hafazan dari awal agar mereka dapat membiasakan diri dengan proses ujian hafazan ini sebelum melalui peperiksaan akhir hafazan al-Quran. Sekiranya *muqarar* atau silibus hafazan semester tersebut adalah sebanyak lima juzuk, maka pelajar perlu melalui sebanyak lima kali *imtihan intiqal*. Kaedah ini digunakan bagi memastikan pelajar sentiasa berdisiplin dan komited dengan *muraja'ah* hafazan masing-masing selain memastikan pelajar memiliki hafazan yang berkualiti pada setiap satu juzuk yang selesai dihafaz. Menurut Mohamad Marzuqi, pengujian sangat penting dalam dunia pendidikan kerana ia dapat mengumpul maklumat dan bukti terhadap proses sebelum, semasa dan selepas pembelajaran berlaku. Kita tidak dapat menentukan kedudukan Pendidikan tahfiz yang diterapkan kepada anak-anak tahfiz kecuali setelah menjalankan pengujian dan penilaian (Mohamad Marzuqi, 2018). Marzuqi menambah bahawa data dan maklumat yang dikumpulkan amat mustahak untuk membuat penambahbaikan amalan pengujian dan penilaian (PdP) atau keputusan-keputusan lain dalam Pendidikan tahfiz.

- vi. Manual *Muraja'ah*: Manual *Muraja'ah* adalah satu panduan bagi para pelajar supaya mereka berdisiplin dalam melakukan pengulangan hafazan al-Quran. Proses pengulangan al-Quran ini elemen yang sangat penting dan signifikan bagi para huffaz. Semakin banyak proses *muraja'ah* ini dilakukan, maka hafazan kita akan makin kukuh. *Muraja'ah* ini boleh dibahagikan kepada *muraja'ah* hafazan baru iaitu hafazan yang baru dihafal atau *ditasmi'* di hadapan guru dalam tempoh seminggu atau dua minggu, sekurang-kurangnya satu juzuk. Kedua adalah *muraja'ah* hafazan lama iaitu hafazan yang telah dihafal atau *ditasmi'* oleh pelajar dalam tempoh sebulan, yang melebihi satu juzuk. Manual ini boleh ditanda dan disimpan oleh pelajar sebagai rujukan dan motivasi untuk mengulang hafazan yang telah dihafal.
- vii. Laporan Mingguan: Setiap hari Jumaat, pensyarah *tasmi'* wajib mengisi di pautan (*link*) borang berbentuk *Excel* bertajuk 'Laporan Mingguan Prestasi Hafazan' yang disediakan oleh Unit al-Quran sebagai pantauan untuk melihat prestasi pelajar sama ada hafazan mereka menepati silibus yang ditetapkan di awal semester ataupun ketinggalan dari silibus silibus hafazan. Di borang laporan mingguan berkenaan, sekiranya pelajar ketinggalan kurang dari 10 mukasurat, terdapat indikator yang akan berwarna hijau dan sekiranya pelajar ketinggalan melebihi 10 mukasurat ia akan bertukar warna kuning. Manakala, bagi pelajar yang ketinggalan 20 mukasurat dan lebih (*off-track*), ia akan bertukar ke warna merah. Pelajar yang dikesan *off-track* ini akan diwajibkan hadir ke kelas hujung minggu bagi memastikan mereka dapat mengejar silibus hafazan yang disediakan agar mereka dapat menghabiskan *muqarar* hafazan semester berkenaan.

LAPORAN MINGGUAN		MINGGU	M1	M2	M3	M4	M5	M6
		MUKA SURAT	269	277	285	293	301	309
MUHAMMAD HAFIZAN BIN ABD HAMID								
	AJ1081451	AHMAD HAFIZI BIN MOHD ZAINI	317	328	342	350		
	AJ1081464	AIMAN MUQRIZ BIN MAZMIR	294	300	307	312		
	AJ1081355	ISKANDAR PUTRA BIN POUZIDAN@PAUZIDAN	269	277	285	293		
	AJ1081273	ISMAIL HAFIZ B. BABRON IHSEAN	310	316	324	331		
	AJ1081454	MUHAMMAD AMMAR RUSYDIE BIN MUHAMAD RAFIE	269	277	285	290		
	AJ1081283	MUHAMMAD I'LMAN HAKIMI BIN YUSRI SYAM	269	274	285	290		
	AJ1081449	MUHAMMAD SHAFIQ ASHRAF BIN ARIZAL	267	274	286	288		
	AJ1081344	MUJAHID BIN LUKMAN	267	272	280	287		
	AK1080742	ABDUL QAYYUM BIN OMAR	267	274	281	290		
	AJ1081632	AUZAIE RUSYDAI BIN MOHD SAFAWI	267	270	280	290		

**Jadual 2:** Laporan Mingguan Prestasi Hafazan Pelajar Tahfiz UNITEN

- viii. Program Kem Huffaz Profesional: Pada setiap hujung semester, Unit Tahfiz akan menganjurkan Kem Huffaz Profesional kepada semua pelajar tahfiz program Pensijilan al-Quran JAKIM-UNITEN. Kem ini diadakan setiap semester selepas tamatnya peperiksaan akhir program akademik, sebelum bermula peperiksaan akhir tahfiz. Kem ini diadakan di luar UNITEN selama 4 hari untuk membantu pelajar menumpukan perhatian kepada ulangan hafazan al-Quran sebagai persediaan untuk peperiksaan akhir tahfiz.

### 3. Teras Kefahaman Al-Quran

Konstruk Pembangunan al-Quran dari sudut kefahaman memfokuskan kepada usaha mendedahkan pelajar kepada memahami isi kandungan al-Quran. Ia selaras dengan matlamat penurunan al-Quran iaitu untuk difahami oleh umat Islam agar ia dapat diamalkan dalam kehidupan sebagai sumber panduan utama. Memahami isi kandungan al-Quran dalam proses menghafaz al-Quran dapat membantu pelajar melakukan refleksi ke atas isi kandungan ayat al-Quran yang akan dihafal dan ia memudahkan lagi proses menghafal dan mengingat ayat al-Quran.

- i. Slot Tafsir: Slot ini dikendalikan oleh pensyarah *tasmi'* mengikut kelas masing-masing. Slot tafsir dibuat setiap hari Jumaat selama 15 minit sebelum kelas tamat pada hari tersebut. Pensyarah *tasmi'* akan berkongsi kefahaman ayat-ayat al-Quran terpilih mengikut silibus hafazan pelajar pada minggu. Perbincangan dibuat secara dua hala, di mana pensyarah akan memilih satu ayat atau surah dan berkongsi intipati ayat, seterusnya bertanya kepada pelajar berkenaan pengajaran ayat tersebut serta kaitannya dengan kehidupan semasa. Pensyarah juga akan memilih seorang pelajar untuk berkongsi ayat pilihan mereka untuk tadabbur serta melihat pengajaran ayat tersebut.
- ii. Daurah Tafsir dan Ibrah al-Quran: Daurah al-Quran dianjurkan setiap semester di bawah program Huffaz Profesional UNITEN dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar Tahfiz UNITEN sendiri. Daurah ini dijalankan bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kefahaman ayat al-Quran secara lebih mendalam dan sistematik. Penyampai slot daurah ini Ustaz Syaari Abdul Rahman dari *Tadabbur Centre*. Sesi perkongsian oleh beliau adalah menggunakan buku-buku karangan beliau sendiri, seperti Kompas 114 (telah tamat perkongsian keseluruhan surah) dan kini beliau berkongsi berkenaan kisah-kisah dalam al-Quran. Slot daurah ini terbuka kepada seluruh warga

UNITEN dan turut melibatkan pelajar-pelajar Pensijilan Tahfiz al-Quran dari institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang bekerjasama dengan Darul Quran seperti Universiti of Cyberjaya (UOC) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

- iii. Modul Ibrah al-Quran: Modul Ibrah al-Quran merupakan satu bentuk panduan yang disediakan kepada para pensyarah bagi mengisi Slot Tafsir setiap minggu. Modul ini dibina bermula dengan penjelasan berkenaan tema sesuatu surah. Ini kerana kefahaman berkenaan tema surah dapat membantu pelajar mengetahui berkenaan isi kandungan surah secara umum.
- iv. Program: Aktiviti berteraskan al-Quran diadakan dari semasa ke semasa sebagai salah satu usaha untuk membudayakan al-Quran dalam diri pelajar dan masyarakat, sama ada pada bacaan atau kefahaman. Antaranya program Jom Mengaji Mahasiswa dan Jom Mengaji Junior. Program ini mensasarkan penyertaan dikalangan mahasiswa dan mahasiswi UNITEN serta anak-anak kakitangan UNITEN. Program mingguan ini memfokuskan kepada tahsin bacaan al-Quran dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar Tahfiz UNITEN dalam kumpulan-kumpulan kecil. Selain program dalam UNITEN, pihak TAZU juga telah menaja 20 orang pelajar tahfiz untuk program sanad di Mesir pada tahun 2019. Pelajar yang terpilih merupakan pelajar yang cemerlang akademik, aktiviti luar dan juga sahsiah. Pelajar berada di Mesir selama 2 minggu untuk proses talaqqi bacaan al-Quran selain mengikuti kuliah-kuliah yang telah disusun khas untuk mereka. 5 daripada 20 orang pelajar ini telah berjaya mendapatkan Tauliah Mengajar Al-Quran Negeri Selangor, yang melayakkan mereka mengajar al-Quran di masjid dan surau dalam Selangor. Bagi memperkemaskan hafazan al-Quran, pelajar-pelajar Tahfiz melibatkan diri dalam Musabaqah Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Pelajar Tahfiz UNITEN turut sama menempa nama dalam siri-pertandingan ini apabila berjaya menduduki tiga tempat yang utama dalam siri-siri musabaqah yang telah dijalankan. Selain penglibatan dalam musabaqah, usaha membina hubungan dengan al-Quran dibuat melalui siri lawatan ilmiah, antaranya lawatan ke Kompleks Nasrul Quran untuk melihat proses percetakan al-Quran serta mempelajari sejarah penulisan alQuran.

Konstruk Pembangunan al-Quran dari sudut pemahaman penting untuk diaktifkan kerana ia secara tidak langsung boleh membantu proses hafalan. Perkara minimal yang perlu difahami dan diketahui sebelum menghafal adalah sebab penamaan surah, apa tema surah yang akan dihafal dan apa yang dibicarakan berkenaan isi kandungan surah tersebut, seterusnya setelah menghafal, pelajar boleh berkongsi apa pengajaran atau ibrah dari surah atau ayat yang baru dihafal oleh para pelajar tersebut.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, modul pembangunan al-Quran berteraskan kepada konstruk pembangunan alQuran yang merangkumi aspek penekanan kepada bacaan al-Quran, hafazan al-Quran dan kefahaman al-Quran sangat perlu dititikberatkan dalam pembelajaran dan pengajaran tahfiz dalam usaha melahirkan huffaz yang mempunyai

potensi yang baik dalam ketiga-tiga teras yang ditekankan ini. Bacaan yang baik dengan sebutan makraj yang tepat, tiada kesalahan tajwid dapat memudahkan proses pelajar untuk menghafal al-Quran dan muraja'ah hafazan dengan baik. Manakala, aspek kefahaman al-Quran juga dari sudut penekanan kepada fiqh ayat mengikut silibus hafazan al-Quran pula, dapat membantu para pelajar tahfiz dalam proses mengingat kisah atau susunan ayat yang sedang dihafal.

Oleh yang demikian, elemen yang ada di dalam konstruk pembangunan al-Quran ini masih boleh diberi perhatian dan dimurnikan lagi agar ia dapat memberi manfaat kepada mana-mana institusi pengajian tinggi yang mempunyai pengajian tahfiz.

## **RUJUKAN**

- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda Hassan. (2020). *Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid19*. Bicara Dakwah Kali ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali. (2013). *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education, Januari 2013, Vol. 1, Isu 1.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2019). *Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia Teras Panduan Penghafaz al-Quran. Kajian Terhadap Prinsip Asas dan Metodologi Hafazan al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Misnan Jemali. (2003). Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak. Seminar Kaedah pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2018). *Penilaian Pengujian Huffaz: Satu Keperluan. Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia*. Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya & Darul Quran JAKIM.
- Nor Musliza Mustafa dan Dr. Mokmin Basri. (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research. 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah. Memperkasa Generasi Hafaz al-Quran. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Siti Salma Mohamad Shokri, Muhammad Hafizan Abd. Hamid, Abdul Aziz Mat Isa. (2021). *Talaqqi Musyafahah Secara Atas Talian: Isu dan Pelaksanaannya Dalam Program Pensijilan Tahfiz al-Quran di Universiti Tenaga Nasional*. Seminar Antarabangsa Inovasi Masjid Ketika Pandemik (SIMPan21), Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). *Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas*. E-Journal of Islamic Thought and Understanding, Januari 2018, Volume 2, Issue 1, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Cawangan Melaka.